

Perumahan mampu milik bantu rakyat miliki rumah

LUMUT 11 Ogos - Kerajaan negeri menggalakkan syarikat pemaju supaya memperbanyakkan pembinaan perumahan mampu milik bagi membantu rakyat berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, soal keuntungan tidak seharusnya diutamakan oleh pemaju semata-mata tanpa menimbang aspek kemampuan rakyat serta harga rumah yang kian meningkat.

“Selain menyediakan modal perniagaan yang baik, pemaju juga seharusnya memikirkan bagaimana untuk menyalurkan keuntungan itu kembali kepada rakyat.

“Oleh itu, kerajaan negeri akan beri galakan iaitu kita tidak akan kenakan caj pembangunan pada rumah murah. Ini adalah pendekatan yang kita buat bagi membantu rakyat Perak memiliki rumah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat Kampung Datuk Seri Kamarudin melibatkan 208 unit apartment dengan keluasan lantai 1,000 kaki persegi, di sini hari ini.

Dinamakan Elemen@Seri Manjung, projek bernilai RM40 juta di atas tanah seluas 5.4 hektar yang dibangunkan oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) dengan kerjasama Syarikat Asas Jasakita Sdn. Bhd. itu dijangka siap pada tahun 2020.

Projek perumahan itu dijual pada harga antara RM170,000 hingga RM200,000 seunit, justeru diharap dapat membantu penjawat awam serta golongan berpendapatan kecil atau sederhana untuk memiliki rumah berkualiti.

Yang turut hadir Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Perak, Rumaizi Bahrin@Md. Daud; Pegawai Daerah Manjung, Mohamad Fariz Mohd. Hanif dan Pengerusi Syarikat



Selain menyediakan modal perniagaan yang baik, pemaju juga seharusnya memikirkan bagaimana untuk menyalurkan keuntungan itu kembali kepada rakyat.”

ZAMBRY ABD. KADIR
Menteri Besar Perak

Asas Jasakita Sdn. Bhd., Datuk Syed Mokhtar Syed Idris.

Dalam perkembangan berlainan, ketika diminta mengulas mengenai isu sebuah sekolah rendah di Hulu Langat, Selangor yang mengasingkan gelas minuman untuk pelajar Islam dan bukan Islam, Zambry berkata, perkara itu tidak sepatutnya berlaku dalam sesebuah negara yang mempunyai kepelbagaian masyarakat majmuk.

“Saya tidak mahu perkara itu berlaku di negeri ini kerana ia menunjukkan seolah-olah Islam itu sebuah agama yang ‘keras’ dan tiada toleransi, sedangkan Islam adalah untuk kesejahteraan semua.

“Kita tidak mahu ada pihak yang memisahkan atau membataskan hubungan kita. Jadi, saya harap jangan ada mana-mana pihak yang memberi gambaran salah terhadap Islam,” tegasnya.